



**INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
LAPORAN TAHUNAN
ILKAP 2018**

LAPORAN TAHUNAN 2018

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN



KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA	5
KATA PENGANTAR KETUA PENGARAH ILKAP.....	6
MAKLUMAT KORPORAT.....	7
- LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP 2018 - STRUKTUR ORGANISASI ILKAP - PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS) DAN PELANGGAN - OBJEKTIF, FUNGSI, VISI, MISI DAN PIAGAM PELANGGAN - MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP	
BAHAGIAN LATIHAN.....	13
- PROGRAM PERUNDANGAN - PROGRAM KEHAKIMAN - PROGRAM PENASIHAT - PROGRAM LITIGASI - PROGRAM PEMBANGUNAN KERJAYA DAN PENTADBIRAN	
BAHAGIAN PENGURUSAN.....	23
- SEKSYEN KEWANGAN, PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN - SEKYEN DOMESTIK, PENYELENGGARAAN DAN PENGURUSAN ASET - SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT	
BAHAGIAN MAKLUMAT.....	28
UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI.....	32
UNIT INTEGRITI.....	41
LAPORAN PROGRAM ILKAP.....	43
- ILKAP SPEAKER SERIES (ISS) 2018	
LAPORAN PENCAPAIAN	46
- ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) JPM 2017 - ANUGERAH PENJAWAT CONTOH DWI-TAHUNAN (APCD) - JANUARI - JUN 2018 - ANUGERAH PENJAWAT CONTOH DWI-TAHUNAN (APCD) - JULAI - DISEMBER 2018	
LAPORAN KHAS	49

Perutusan

Ketua Setiausaha Negara



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan Sayangi Malaysiaku.

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia, taufik, hidayah serta inayahNya kita masih berada dalam keadaan sihat dan sejahtera dalam lindunganNya. Selawat dan Salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, kaum keluarga, para sahabat, dan pewarisnya.

Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) telah ditubuhkan selaras dengan susulan keputusan Jemaah Menteri pada 18 Mac 1992 dan telah mula beroperasi pada 23 Disember 1993. Sejakar dengan misi dan objektif ILKAP sebagai peneraju kecemerlangan pembangunan modal insan dalam bidang Kehakiman dan Perundangan yang terkemuka menjelang tahun 2020, saya percaya ILKAP di bawah teraju dan kepimpinan YBhg. Dato' Anita binti Harun, Ketua Pengarah ILKAP telah menyenaraikan sejumlah program dan latihan yang komprehensif bagi meningkatkan pengetahuan, kompetensi dan profesionalisme pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan serta pegawai penguasa undang-undang dengan menyediakan latihan yang relevan, berkualiti dan berkesan.

Justeru, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Lembaga Pengurusan ILKAP dan warga kerja ILKAP atas usaha dan komitmen yang ditunjukkan selama ini dalam melaksanakan program latihan yang dinamik dan relevan mengikut arus perkembangan undang-undang semasa sepanjang tahun 2018 dengan melaksanakan latihan serta kursus dengan efektif.

Di samping itu, saya juga yakin dengan adanya peningkatan daripada segi kolaborasi dengan pelbagai Kementerian / Agensi Kerajaan, ILKAP kini telah mengorak langkah untuk

menjadi salah satu institusi latihan yang mampan dan jitu dengan penyediaan program latihan yang berkualiti selaras dengan hala tuju ke arah peningkatan kecekapan, kecemerlangan dan profesionalisme pegawai-pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan serta perkhidmatan awam, badan berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang.

Saya juga berkeyakinan, ILKAP akan terus menjadi pemangkin dalam memastikan segala perancangan Kerajaan Malaysia dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan memberikan latihan, pengetahuan, kepakaran dan kualiti perkhidmatan yang bermutu tinggi kepada semua penjawat awam mahupun swasta dengan mewujudkan perkhidmatan yang adil, cekap dan berkesan melalui latihan yang sistematis dan terancang.

Akhir kata, saya berharap Lembaga Pengurusan ILKAP dan warga kerja ILKAP akan meneruskan penyampaian kerja yang cemerlang dan kekal komited ke arah menjadikan ILKAP sebuah institusi yang relevan dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak dan pemegang taruh (*stakeholders*) ILKAP atas kerjasama jitu yang telah diberikan dalam menangani arus perubahan dunia yang kian mencabar.

Sekian, terima kasih

**YBHG. DATUK SERI DR. ISMAIL HJ. BAKAR
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**



Kata Pengantar Ketua Pengarah ILKAP

*"Our greatest weakness lies in Giving Up.
The most certain way to succeed is always to try just one more time."
~Thomas A. Edison~*

Assalamualaikum dan Sayangi Malaysiaku.

Laporan Tahunan ILKAP 2018 adalah satu wadah paparan hasil kerja tahunan warga Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) yang didokumentasikan bagi merakamkan aktiviti, kejayaan dan pencapaian ILKAP sepanjang tahun 2018. Laporan ini juga adalah bukti dan komitmen yang jitu oleh warga ILKAP dalam memberikan perkhidmatan berkualiti bagi menyokong visi ILKAP sebagai peneraju kecemerlangan pembangunan modal insan dalam bidang Kehakiman dan Perundangan yang terkemuka di rantau ini.

Bagi tahun 2018, ILKAP telah berjaya menganjurkan sebanyak sembilan puluh satu (91) Kursus Berjadual bagi pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, pegawai awam lain termasuk pegawai penguasa undang-undang serta pihak sektor swasta. Program latihan ini dirancang berdasarkan analisis keperluan latihan secara komprehensif, kurikulum latihan yang dinamik serta mengkaji semula kurikulum sedia ada dari semasa ke semasa dengan mengambil kira perkembangan peruntukan undang-undang terkini. Di samping itu juga, ILKAP turut menjalankan sebanyak lima belas (15) Kursus Kerjasama yang diadakan berdasarkan permohonan oleh Agensi Kerajaan, Sektor Swasta, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan atau Kerajaan Negeri sepanjang tempoh tahun 2018.

Selain itu, Program ILKAP Speaker Series (ISS) menjadi program yang sentiasa mendapat sambutan bukan sahaja daripada pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan bahkan pegawai awam lain, pihak sektor swasta dan juga penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Dua (2) siri Program ISS yang diadakan pada tahun

2018 telah menampilkan YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi Ali, mantan PEGUAM NEGARA dan YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi, Pensyarah Undang-Undang terkemuka di Malaysia.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP atas sokongan mereka yang berterusan dalam usaha meningkatkan kualiti Institusi ini, selaras dengan visi dan misi ILKAP. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak berkepentingan, pemegang taruh (*stakeholders*) dan penceramah-penceramah yang telah menyertai program latihan ILKAP sepanjang tahun 2018 dan berharap kerjasama ini akan berterusan di masa hadapan.

Dengan kejayaan yang dicapai pada tahun 2018, ILKAP telah pun memulakan perancangan pelbagai aktiviti yang lebih dinamik bagi tahun 2019. Saya berharap momentum dan gerak kerja berprestasi tinggi sentiasa dikekalkan dan dipertingkatkan lagi demi mencapai aspirasi ILKAP bagi tahun 2019.

Akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada warga ILKAP atas sumbangan dan perkhidmatan cemerlang mereka kepada ILKAP sepanjang tahun 2018. Saya berharap semua warga ILKAP akan berusaha ke arah penambahbaikan dan kemajuan ILKAP.

Sekian, terima kasih.

**YBHG. DATO' ANITA BINTI HARUN
KETUA PENGARAH
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN
DAN PERUNDANGAN (ILKAP)**



MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP



YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Haji Bakar
Ketua Setiausaha Negara
(Pengerusi)



YBhg. Tuan Tommy Thomas
Peguam Negara



YBhg. Datuk Borhan bin Dolah
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam



YBhg. Datuk Ahmad Badri
bin Mohd Zahir
Ketua Setiausaha Perbendaharaan



YBhg. Dato' Sri Latifah Hj. Mohd Tahar
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan



YBhg. Datuk Jalil Bin Marzuki
Ketua Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri



YBhg. Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad
Dekan
Fakulti Undang-Undang
Universiti Teknologi MARA (UiTM)




YBhg. Datin Hajah Hazizah Kassim
Peguam Bela dan Peguam Cara



YBhg. Dato' Anita Haji Harun
Ketua Pengarah ILKAP
(Setiausaha)

STRUKTUR ORGANISASI ILKAP



PEMEGANG TARUH (*STAKEHOLDERS*) DAN PELANGGAN



OBJEKTIF, FUNGSI, VISI , MISI DAN PIAGAM PELANGGAN ILKAP

OBJEKTIF

Meningkatkan pengetahuan, kepakaran dan kualiti perkhidmatan perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam bidang kehakiman dan perundangan dan penguatkuasaan undang-undang bagi mewujudkan perkhidmatan yang adil, cekap dan berkesan melalui latihan yang sistematis dan terancang.

FUNGSI

- Merancang dan mengendalikan program latihan, kolokium, seminar dan bengkel dalam bidang kehakiman dan perundangan;
- Menjalankan kajian yang berkaitan dengan keperluan latihan dan analisa impak kepada organisasi dan pegawai Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat di dalam bidang kehakiman, perundangan dan penguatkuasaan undang-undang;
- Menjalankan kajian dan penerbitan berkaitan dengan perkembangan bidang kehakiman dan perundangan semasa;

VISI

Peneraju kecemerlangan pembangunan modal insan dalam bidang kehakiman dan perundangan yang terkemuka di Malaysia.

MISI

Peningkatan pengetahuan, kompetensi dan profesionalisme pegawai kehakiman dan perundangan serta pegawai penguat kuasa undang-undang dengan menyediakan latihan yang relevan, berkualiti dan berkesan.

PIAGAM PELANGGAN

Kami adalah komited untuk menyediakan program latihan yang berkualiti selaras dengan hala tuju ke arah peningkatan kecekapan, kecemerlangan dan profesionalisme Pegawai Kehakiman dan Perundangan serta Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang.

Kami berjanji akan –

- merancang dan melaksanakan projek latihan yang berkualiti mengikut kurikulum yang ditetapkan;
- menjalankan tidak kurang daripada 90% kursus yang dirancang setiap tahun;
- menyampaikan maklumat berkaitan dengan jadual program latihan tidak lewat dari sebulan sebelum latihan dilaksanakan;
- menyediakan tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang kursus yang akan dijalankan;
- menyediakan bahan rujukan yang komprehensif dan terkini;
- memastikan prasarana latihan dan semua keperluan peralatan latihan berfungsi dengan baik dan siap untuk digunakan sebelum kursus bermula dan pada setiap masa kursus berjalan;
- menyediakan persekitaran pembelajaran yang sesuai, selesa dan kondusif;
- memastikan tuntutan pembayaran dilaksanakan dalam tempoh 14 hari; dan
- memastikan bahawa semua pertanyaan dan aduan diberi maklum balas dalam tempoh 48 jam hari bekerja.

MESUARAT LEMBAGA PENGURUSAN ILKAP

Lembaga Pengurusan ILKAP dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) merupakan badan pentadbir tertinggi dan berperanan dalam menetapkan matlamat jangka panjang dan menggubal dasar termasuk pengawalan program ILKAP. Ahli Lembaga Pengurusan ILKAP terdiri daripada Peguam Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, seorang Peguambela dan Peguamcara yang dilantik dan seorang Dekan Fakulti Undang-Undang dari universiti tempatan. Ketua Pengarah ILKAP bertindak sebagai Setiausaha kepada Lembaga Pengurusan ILKAP.

Bagi tahun 2018, Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 1/2018 telah dibuat secara edaran pada 22 Mei 2018 manakala Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 2/2018 telah diadakan pada 25 Oktober 2018 di Bilik Mesyuarat Utama Aras 1, Bangunan ITITC ILKAP Lot 5, Persiaran Universiti, Seksyen 15 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

Perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengurusan ILKAP Bil. 2/2018 meliputi Laporan Pencapaian Program Latihan ILKAP sepanjang tahun 2018, Laporan Perbelanjaan Mengurus Dan Akaun Amanah ILKAP sepanjang tahun 2018 serta Laporan Cadangan Program Latihan ILKAP Bagi Tahun 2019.



The background features a complex network graph composed of numerous small, semi-transparent white and light blue dots connected by thin white lines, creating a sense of data connectivity and flow. This pattern is set against a dark blue gradient background that transitions from a lighter shade at the top left to a darker shade at the bottom right.

BAHAGIAN LATIHAN

PROGRAM PERUNDANGAN

Program Perundangan telah berjaya menjalankan **tujuh belas (17) kursus / bengkel / seminar dalam tahun 2018**. Program ini menyediakan kursus / bengkel / seminar bagi mempertingkatkan kemahiran dalam bidang perundangan di kalangan Pegawai Undang-Undang yang bertugas sama ada di Jabatan Peguam Negara, Mahkamah, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan pegawai-pegawai awam yang lain.

Kesemua tujuh belas (17) kursus / bengkel / seminar yang dijalankan adalah seperti yang berikut:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Kursus Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014 [Akta 762]	6 - 7 Februari 2018
2	Kursus Penggubalan Undang-Undang (Pelbagai Jabatan)	20-22 Februari 2018
3	Kursus berkaitan Perundangan Halal di Malaysia	27-28 Februari 2018
4	Kursus Kepeguanan Bantuan Guaman Jabatan Bantuan Guaman	6-8 Mac 2018
5	Kursus Insolvensi: Mengesan Aset dan Aliran Wang	13-15 Mac 2018
6	Bengkel Pemantapan Penyiasatan dan Penguatkuasaan: Jabatan Insolvensi Malaysia	3-5 April 2018
7	Kursus Mengenai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] (SOSMA) dan Undang-Undang Pencegahan di Malaysia – Peruntukan Undang-Undang Berkaitan Dengannya	16-19 April 2018
8	Seminar Akta Syarikat 2016 [Akta 777]	15 Mei 2018
9	Kursus Komprehensif Undang-Undang Berkaitan Kanak-Kanak di Malaysia	25-28 Jun 2018
10	Seminar Akta Perhimpunan Aman 2012 [Akta 736] – Isu dan Cabaran	26 Jun 2018
11	Kursus Pengendalian Kes Berkaitan Harta di Mahkamah Syariah (Jabatan Bantuan Guaman)	17-19 Julai 2018
12	Kursus Pengenalan Penggubalan Undang-Undang	7-9 Ogos 2018
13	Kursus “Audi Alteram Partem” – Maksud dan Pemakaianya dalam Konteks Undang-Undang Pentadbiran	14-15 Ogos 2018
14	Kursus Prosedur dan Amalan Parlimen	14-16 Ogos 2018
15	Seminar Fraud Insurans	28 Ogos 2018
16	Kursus Penggunaan Bahasa dalam Perundangan (Tatabahasa, Peristilahan, Penterjemahan dan Penyuntingan Terjemahan)	4-6 September 2018
17	Seminar Mengenai Isu Murtad di Malaysia	2 Oktober 2018

Pada tahun 2018, terdapat tiga (3) kursus / bengkel / seminar baharu yang ditawarkan oleh Program Perundangan iaitu:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Seminar Akta Syarikat 2016 [Akta 777]	15 Mei 2018
2	Kursus “Audi Alteram Partem” – Maksud dan Pemakaianya dalam Konteks Undang-Undang Pentadbiran	14-15 Ogos 2018
3	Seminar Fraud Insurans	28 Ogos 2018

Empat (4) kursus / bengkel / seminar berjadual pula telah dibuat kajian semula melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Kurikulum bagi mengkaji semula kurikulum atau penceramah bagi kursus / seminar / bengkel yang dijalankan pada tahun ini iaitu:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Kursus Penggubalan Undang-Undang (Pelbagai Jabatan)	20-22 Februari 2018
2	Kursus Insolvensi: Mengesan Aset dan Aliran Wang	13-15 Mac 2018
3	Kursus Pengenalan Penggubalan Undang-Undang	7-9 Ogos 2018
4	Seminar Mengenai Isu Murtad di Malaysia	2 Oktober 2018

Antara kursus / bengkel / seminar yang mendapat sambutan berdasarkan penyertaan peserta adalah seperti yang berikut:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH	BILANGAN PESERTA
1	Kursus Mengenai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] (SOSMA) dan Undang-Undang Pencegahan di Malaysia – Peruntukan Undang-Undang Berkaitan Dengannya	16-19 April 2018	36 orang peserta
2	Seminar Akta Syarikat 2016 [Akta 777]	15 Mei 2018	64 orang peserta
3	Kursus Pengenalan Penggubalan Undang-Undang	7-9 Ogos 2018	39 orang peserta

Seperti tahun-tahun sebelum ini, terdapat beberapa kursus di bawah Program ini yang turut dibuka penyertaannya kepada pihak Sektor Swasta dan kursus yang ditawarkan tersebut adalah seperti yang berikut:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Kursus Pelaksanaan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014 [Akta 762]	6-7 Februari 2018
2	Kursus Penggubalan Undang-Undang (Pelbagai Jabatan)	20-22 Februari 2018
3	Kursus berkaitan Perundangan Halal di Malaysia	27-28 Februari 2018

Pada tahun 2018, Program Perundangan telah mengadakan satu (1) kursus kerjasama bersama dengan pihak Jabatan Warisan Negara, iaitu Kursus Penyiasatan Dan Persediaan Sebagai Saksi Di Mahkamah Bagi Pegawai Penguat kuasa Jabatan Warisan Negara pada 7 hingga 9 November 2018.

Penceramah yang berpengalaman luas dalam bidang masing-masing telah dijemput untuk menyampaikan ceramah bagi memastikan kesemua kursus / bengkel seminar di bawah Program Perundangan berjalan dengan lancar

dan objektif setiap kursus / bengkel / seminar di bawah Program ini dicapai dengan jayanya.

Jumlah peserta bagi kursus / bengkel / seminar yang dianjurkan oleh Program Perundangan dalam tahun 2018 adalah seramai **562 orang peserta**.

PROGRAM LITIGASI

Program Litigasi telah menjalankan sebanyak **dua puluh lima (25) kursus / bengkel** yang terdiri daripada dua puluh tiga (23) kursus / bengkel ulangan dan dua (2) kursus kerjasama sepanjang tahun 2018.

Dua puluh tiga (23) kursus / bengkel ulangan yang telah dijalankan adalah:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Kursus Pendakwaan Berkesan Bagi Kes Jenayah (Timbalan Pendakwa Raya)	23-25 Januari 2018
2	<i>Course On Electronic Evidence</i>	6-8 Februari 2018
3	<i>Workshop On Strategy In Trials And Appeals</i>	27 Februari - 1 Mac 2018
4	Kursus Pendakwaan Jenayah Siber	12-15 Mac 2018
5	<i>Course On Pre Trial Procedures In Civil Litigation</i>	27-29 Mac 2018
6	<i>Course On Psychology Of Effective Communication And Persuasion In Court</i>	10-12 April 2018
7	<i>Course On Medico Legal For Legal Officers</i>	16-19 April 2018
8	Kursus Siasatan Dan Pendakwaan Bawah Akta Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 Dan Cabarannya	26-28 Jun 2018
9	<i>Course On Prosecution Of Offences Under The Companies Act 2016 [Act 777]</i>	26-27 Jun 2018
10	Kursus Peranan Sains Forensik Dalam Kes Sivil Dan Jenayah (PDRM / Jabatan Kimia)	6-9 Ogos 2018
11	Kursus Proses Pra-Perbicaraan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan 2012) [Akta 1422] – Rundingan Pra-Perbicaraan, Teknik Rundingan Akuan, Penyataan Bertulis Saksi Dan Pengurusan Kes	28-30 Ogos 2018)
12	<i>Workshop On Examination Of Witnesses</i>	3-6 September 2018
13	<i>Course On Crime Scene Evidence And Investigation</i>	25-27 September 2018
14	<i>Workshop On Mutual Legal Assistance In Criminal Matters</i>	9-10 Oktober 2018
15	<i>Course On Expert Evidence In The Civil And Criminal Cases</i>	15-19 Oktober 2018
16	Bengkel Pengendalian Kes Kemalangan Jalan Raya	16-18 Oktober 2018
17	<i>Workshop On Enforcement Of Forfeiture Order</i>	7-8 November 2018

Daripada dua puluh tiga (23) kursus / bengkel ulangan berkenaan, terdapat 6 kursus / bengkel yang telah mendapat sambutan penyertaan yang menggalakkan iaitu:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH	BILANGAN PESERTA
1	Bengkel Teknik Pendakwaan (Pelbagai Jabatan) Bil.1/2018	19-23 Februari 2018	39 orang peserta
2	Kursus Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (ILKAP-UiTm) Bil.1/2018	5-27 Mac 2018	30 orang peserta
3	Kursus Jenayah Alam Sekitar	24-25 April 2018	37 orang peserta
4	Bengkel Teknik Pendakwaan (Pelbagai Jabatan) Bil.2/2018	2-6 Julai 2018	30 orang peserta
5	<i>Course On The Law Relating To Sexual Crimes</i>	16-19 Julai 2018	39 orang peserta
6	Kursus Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-Undang (ILKAP-UiTm) Bil.2/2018	2-24 Julai 2018	30 orang peserta

Manakala, dua (2) kursus / bengkel kerjasama yang telah dijalankan di bawah seliaan Program Litigasi ialah :

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Kursus Prosedur Dan Etika Sebagai Saksi Di Mahkamah	27 September 2018
2	Bengkel Pendakwaan Siri 2/2018 Kerjasama ILKAP – Jabatan Perkhidmatan Veterinar	15-18 Oktober 2018

Bagi menjayakan kesemua kursus / bengkel anjuran Program Litigasi, penceramah yang berwibawa serta berpengalaman telah dijemput untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman masing-masing sepanjang kursus / bengkel tersebut.

Sepanjang tahun 2018, seramai **743 orang peserta** telah menghadiri kursus / bengkel

anjuran Program Litigasi, termasuklah bagi kursus / bengkel kerjasama. Peserta kursus / bengkel berkenaan terdiri daripada pegawai dan/atau kakitangan daripada Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, pelbagai Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan, Badan Berkanun, Kerajaan Tempatan dan juga peserta daripada Sektor Swasta.



PROGRAM KEHAKIMAN

Program Kehakiman merupakan satu program yang menumpukan pemberian latihan kepada pegawai daripada Perkhidmatan Kehakiman khususnya. Objektif perancangan kursus di bawah program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran peserta berkaitan undang-undang dan isu-isu perundangan semasa.

Sebanyak **tujuh belas (17) kursus / bengkel / seminar** telah direalisasikan di bawah Program Kehakiman melalui kurikulum yang telah dirancang di bawah Jawatankuasa Kajian Kurikulum Kursus (JKKK) dan Jawatankuasa Kajian Semula Kurikulum Kursus (JKKSK).

Bagi tahun 2018, terdapat lapan (8) kursus / bengkel / seminar baharu yang telah dijalankan iaitu:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Kursus Forensik Digital	10-11 April 2018
2	Seminar Hak-Hak Wanita Di Bawah Undang-Undang Syariah	24 Julai 2018
3	Kursus Pengurusan Kes Sivil dan Jenayah di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi	30-31 Julai 2018
4	Seminar Undang-Undang Fitnah Internet (<i>Internet Defamation</i>) di Malaysia	7 Ogos 2018
5	Kursus Prosedur Permohonan Penceraihan Islam dan Bukan Islam Di Mahkamah	28-29 Ogos 2018
6	Seminar Mengenai Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757): Isu dan Cabaran	4 September 2018
7	Seminar Akta Keganasan Rumah Tangga 1994	10 Oktober 2018
8	Bengkel Tatacara Seni Kepeguanan Untuk Pegawai Penguatkuasa Pelbagai Jabatan	16-17 Oktober 2018

Selain itu, antara kursus / bengkel ulangan yang telah dijalankan adalah seperti yang berikut:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Kursus Kes-Kes Jenayah di bawah Bidang Kuasa Majistret	16-18 Januari 2018
2	Bengkel Tatacara Mencabar Kebolehpercayaan Saksi	6-7 Februari 2018
3	Bengkel Kemahiran Penyelidikan, Penyediaan Pendapat Undang-Undang dan Ringkasan Kes (Bagi Kes Sivil dan Jenayah)	6-8 Mac 2018
4	Kursus Permohonan Reman dan Permohonan Pelbagai Kes Jenayah	12-13 Mac 2018
5	<i>Course on Crime Sentencing Process</i>	10-11 April 2018
6	<i>Workshop On Arbitration, Construction Law and Adjudication</i>	26-27 Jun 2018
7	Kursus Taksiran Ganti Rugi	26-27 Jun 2018
8	<i>Workshop On Art Of Written Judgement</i>	17-18 Julai 2018
9	<i>Workshop On Injunction and Declaratory Relief</i>	30-31 Oktober 2018

Program Kehakiman telah mengadakan satu (1) kursus kerjasama pada tahun 2018, iaitu Kursus Penyediaan Fail Siasatan dan Litigasi kepada Pegawai Penyiasat dan Pegawai Penguatkuasa CIDB pada 23 hingga 26 Januari 2018.

Penyertaan kursus / bengkel / seminar anjuran Program Kehakiman termasuklah kursus kerjasama sepanjang 2018 adalah seramai **523 peserta**.

PROGRAM PENASIHAT

Sebanyak **lapan belas (18) kursus / bengkel / seminar** yang merangkumi tujuh (7) kursus / bengkel baharu dan sepuluh (11) kursus / bengkel / seminar ulangan dijalankan pada tahun 2018 dan sebelas (11) kursus telah dibuka kepada peserta daripada Sektor Swasta.

Kursus / bengkel baharu yang diperkenalkan pada tahun 2018 dilaksanakan bertujuan untuk memantapkan ilmu dan kemahiran Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan tentang perkembangan undang-undang semasa dan terkini. Kursus / bengkel baharu tersebut adalah:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Kursus Tatacara Kewangan	10-11 Julai 2018
2	Kursus Pengurusan Bencana	31 Julai - 1 Ogos 2018
3	<i>Course on Human Rights: Child Marriage From Domestic and International Perspectives</i>	28-29 Ogos 2018
4	<i>Course on Introduction To International Law</i>	25-27 September 2018
5	<i>Workshop On Aviation Law: Domestic and International Civil Aviation</i>	25-27 September 2018
6	<i>Course On Understanding International Investment Law & Dispute Settlement</i>	2-3 Oktober 2018
7	<i>Course On International Humanitarian Law</i>	30 Oktober - 1 November 2018

Program Penasihat turut menjalankan kursus / bengkel / seminar ulangan yang mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para peserta kursus / bengkel / seminar. Antara kursus / bengkel / seminar tersebut adalah:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	<i>Workshop on Legal Opinion Writing</i>	23-25 Januari 2018
2	<i>Course on Negotiation Skills – Getting a Yes</i>	13-15 Februari 2018
3	Kursus Orang Asli – Hak dan Isu Undang Undang	6-7 Mac 2018
4	Seminar Transgender: Antara Hak Manusia dan Hak Agama	20 Mac 2018
5	<i>Course on Federal Constitution – Critical Analysis</i>	2-5 April 2018
6	<i>Course on Effective Legal Research</i>	3-5 April 2018
7	Kursus Akta Perlindungan Saksi 2009 & Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010	26-27 Jun 2018
8	Bengkel Pengurusan dan Pengendalian Tatatertib	3-5 Julai 2018
9	<i>Course on Introduction to Construction Law in Malaysia</i>	23-26 Julai 2018
10	<i>Course on Personal Data Protection – Issues and Challenges</i>	24-25 Julai 2018
11	Bengkel Pengendalian Kes – Kes Rujukan Tanah	16-18 Oktober 2018




Kursus / bengkel / seminar yang melibatkan penyertaan daripada sektor swasta antaranya adalah:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Kursus Orang Asli – Hak dan Isu Undang Undang	6-7 Mac 2018
2	Seminar Transgender: Antara Hak Manusia dan Hak Agama	20 Mac 2018
3	<i>Course on Introduction to Construction Law in Malaysia</i>	23-26 Julai 2018
4	<i>Course on Personal Data Protection – Issues and Challenges</i>	24-25 Julai 2018
5	Kursus Pengurusan Bencana	31 Julai - 1 Ogos 2018
6	<i>Course on Human Rights: Child Marriage From Domestic and International Perspectives</i>	28-29 Ogos 2018
7	<i>Course on Introduction To International Law</i>	25-27 September 2018
8	<i>Workshop On Aviation Law: Domestic and International Civil Aviation</i>	25-27 September 2018
9	<i>Course On Understanding International Investment Law & Dispute Settlement</i>	2-3 Oktober 2018
10	<i>Course On International Humanitarian Law</i>	30 Oktober - 1 November 2018

Selain itu, Program Penasihat juga telah menganjurkan kursus kerjasama dengan pelbagai Jabatan / Agensi sepanjang tahun 2018. Kursus kerjasama berkenaan adalah seperti yang berikut:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	Kursus Hasutan & Kewartawanan (Kerjasama ILKAP-BERNAMA)	7 Mac 2018
2	Bengkel Pendakwaan Lanjutan (Kerjasama ILKAP-Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)	9-13 April 2018
3	Bengkel Pendakwaan Siri 1/2018 (Kerjasama ILKAP-Jabatan Perkhidmatan Veterinar)	24-27 April 2018
4	<i>Training of Trainers Workshop for Legal Aid Service Providers, Prosecutors and Judges on Handling Forced Labour Cases in Malaysia</i>	26-28 Jun 2018
5	<i>Workshop on Human Rights and Justice</i>	17 Julai 2018
6	Bengkel Pengurusan Siasatan Aduan dan Penulisan Maklum Balas Berkesan (Kerjasama ILKAP-Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia)	7-9 Ogos 2018

Sepanjang tahun 2018, seramai **802 orang peserta** telah menghadiri kursus / bengkel / seminar anjuran Program Penasihat dan mereka terdiri daripada Pegawai Pegawai Kehakiman dan Pe-rundungan, Penolong Pegawai Undang-undang, Jabatan Kerajaan, badan berkanun dan Sektor Swasta.



PROGRAM PEMBANGUNAN KERJAYA DAN PENTADBIRAN

Kursus / bengkel / seminar yang dijalankan di bawah Program ini dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan membangunkan kerjaya pegawai-pegawai daripada Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Program berbentuk Latihan tersebut juga dijalankan bagi tujuan memantapkan ilmu dan kemahiran berkaitan pengurusan, etika dan personaliti.

Program ini juga mengendalikan Program Transformasi Minda (PTM) bagi pegawai-pegawai daripada Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Gred L41 sebelum mereka disahkan dalam perkhidmatan. Sebanyak satu (1) siri PTM telah dilaksanakan pada tahun 2018, iaitu dari 16 hingga 24 April 2018.

Sepanjang tahun 2018, Program ini telah berjaya menjalankan enam belas (**16**) kursus / bengkel / seminar yang merangkumi sepuluh (10) kursus / bengkel / seminar yang berulang dan enam (6) kursus / bengkel yang baharu.

Kursus / bengkel baharu yang telah dijalankan oleh Program ini pada tahun 2018 adalah seperti yang berikut:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	<i>English Language Course at Workplace</i>	20-21 Mac 2018
2	Kursus Pembangunan Modul Kurikulum Latihan dan Pengurusan Serta Pengendalian Mesyuarat dan Penyediaan Minit Mesyuarat	24-26 Julai 2018
3	Kursus Tatacara Pengurusan dan Pengendalian Majlis Rasmi Kerajaan	18-20 September 2018
4	<i>Course On Dealing With Difficult People In the Workplace</i>	25 September 2018
5	Kursus Tatacara Pengurusan dan Tadbir Urus Organisasi Yang Berkesan	23 Oktober 2018
6	<i>Speaking With Confidence: An English Language Course</i>	30 Oktober 2018

Kursus / bengkel / seminar ulangan yang telah dijalankan adalah:

BIL	TAJUK KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH
1	<i>Workshop on Speed Reading and Memory Skills</i>	16 Januari 2018
2	Seminar Media Sosial: Cabaran dan Penggunaan dalam Organisasi Kerajaan	30 Januari 2018
3	<i>Course On Balancing Work and Life with Optimum Productivity</i>	20 Februari 2018
4	Bengkel Etiket Sosial dan Kecemerlangan Imej Organisasi (Untuk Pegawai JUSA)	13-15 Mac 2018
5	Program Transformasi Minda Bil.1/2018	16-24 April 2018
6	Kursus Pengurusan Masa & Pengurusan Stress Yang Berkesan	24 April 2018
7	<i>You Lead The Ship: A Leadership Course</i>	10 Julai 2018
8	<i>Course on Effective Communication Skills</i>	7 Ogos 2018
9	Kursus Integriti dan Etika Untuk Pegawai Undang-Undang dan Penolong Pegawai Undang-Undang (Perundangan dan Mahkamah)	14-15 Ogos 2018
10	<i>Course On Exemplary Leadership: Making It Work</i>	19 September 2018


Antara penceramah yang telah dijemput ialah:

- (a) Dr. Hj Hanafi Bin Harun, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya dan
- (b) Dr. Christopher anak Abas, Pegawai Psikologi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Program ini juga telah mengadakan Program Latihan Tenaga Pengajar di bawah Program Institut Latihan Awam (ILA) Jabatan Perkhidmatan Awam bagi tahun 2018. Sebanyak tiga (3) kursus telah dijalankan iaitu:

- i. *Course On Traits Of Highly Effective Judicial And Legal Training Officer* bertempat di Kem Bina Negara, Biro Tatanegara (BTN) Kundasang, Sabah (pada 9 hingga 13 April 2018);
- ii. Kursus Prinsip Keadilan Asasi: Pengendalian dan Pengurusan Latihan Kehakiman dan Perundangan bertempat di Kem Bina Negara, Biro Tatanegara (BTN) Langkawi, Jalan Batu Asah, Mukim Ulu Melaka, Langkawi, Kedah (pada 26 hingga 30 Ogos 2018); dan
- iii. Kursus Integriti dan Penetapan Standard Kehakiman dan Perundangan bertempat di Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL), Kuching Sarawak (pada 12 hingga 15 September 2018).





BAHAGIAN PENGURUSAN

SEKSYEN KEWANGAN, PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN

Pada tahun 2018, ILKAP telah diperuntukkan sejumlah RM 9.02 juta untuk pembayaran emolumen dan perbelanjaan operasi ILKAP melibatkan pelaksanaan program latihan, penyelenggaraan, penaiktarafan kemudahan serta lain-lain perbelanjaan. Sehingga 31 Disember 2018, ILKAP telah membelanjakan sebanyak 97.17% daripada bajet yang diperuntukkan.

Di samping peruntukan perbelanjaan mengurus, ILKAP turut diperuntukkan sebanyak RM 100,000.00 khusus untuk melaksanakan program latihan melalui Akaun Amanah.

Sehingga 31 Disember 2018, pegawai ILKAP telah menghadiri sebanyak seratus tiga puluh (130) kursus / latihan yang dilaksanakan secara dalaman, anjuran Kementerian / Agensi yang lain dan juga pihak swasta. Latihan yang diberikan adalah berbentuk generik dan fungsian merangkumi keseluruhan bidang yang berkaitan.

Berdasarkan waran perjawatan tahun 2018, sebanyak 102 perjawatan telah diluluskan untuk ILKAP. Pada 31 Disember 2018, sebanyak 90 jawatan telah diisikan dan 12 jawatan tidak diisikan. Ringkasan perjawatan ILKAP seperti di Jadual di bawah:

KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Pengurusan Tertinggi	2	1	1
Pengurusan & Professional	32	25	7
Sokongan I	59	57	2
Sokongan II	9	7	2
JUMLAH	102	90	12

SEKSYEN DOMESTIK, PENYELENGGARAAN DAN PENGURUSAN ASET

Sepanjang tahun 2018, beberapa penambahbaikan fasiliti di ILKAP yang telah dilaksanakan oleh Seksyen ini termasuklah fasa keempat kerja-kerja penggantian penyaman udara yang baharu di Asrama A dan B, Bilik Siber 1 dan

Bilik Tetamu di Auditorium. Kerja-kerja penggantian penyaman udara ini dilaksanakan secara berfasa bagi memberikan keselesaan kepada kakitangan dan peserta kursus ILKAP dan pelaksanaan secara berfasa berkenaan boleh dilihat dalam Jadual di bawah:

Bil	Fasa	Tahun	KEKOSONGAN
1	Pertama	2016	1. Bangunan Perdana (a) Aras 4, Pejabat Ketua Pengarah (b) Aras 3, Blok Tengah dan Sayap Kiri (c) Aras 2, Bilik Server 2. Dewan Makan Utama
2	Kedua	2016	1. Bangunan Perdana (a) Aras 3, Sayap Kiri (b) Aras 2, Sayap Kiri dan Kanan (c) Aras 1, Perpustakaan dan Bilik Kuliah
3	Ketiga	2017	1. Bangunan Perdana (a) Aras 1, Perpustakaan (b) Aras G, Bilik Kuliah
4	Keempat	2018	1. Asrama A dan B 2. Bilik Siber 1 3. Bilik Tetamu, Auditorium

Unit Domestik telah menguruskan aspek domestik di ILKAP termasuk pengurusan Asrama A dan B serta Asrama Eksekutif dengan teratur. Bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2018, seramai 5,474 orang penghuni telah menggunakan kemudahan Asrama A dan B serta Asrama Eksekutif. Ini termasuklah 1,006 orang peserta kursus dan 4,468 orang peserta kursus sewaan di bawah *Malaysia Training Centre (MyTC)*.

Sehingga 31 Disember 2018, sebanyak 328 aduan kerosakan telah diterima oleh Unit Penyelenggaraan daripada kakitangan ILKAP

dan peserta kursus. Kesemua aduan tersebut telah diberikan respons dalam tempoh 48 jam yang ditetapkan.

Selain itu, Unit Pengurusan Aset juga telah berjaya melaksanakan Pemeriksaan Aset Tahun 2018 dan melupuskan aset-aset yang telah rosak dan tidak ekonomik untuk dibaiki termasuklah peralatan teknologi maklumat, perabot dan lain-lain.

SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pada bulan Januari 2018, Seksyen Teknologi Maklumat telah mula melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Sistem Pengurusan Kursus Bersepadu (ICMAS) Versi 4 ke Versi 5 setelah mendapat kelulusan perbelanjaan daripada Akaun Amanah ILKAP pada tahun 2017. Perbincangan bersama pengguna ILKAP terutama daripada Bahagian Latihan telah diadakan lebih awal bagi mendapatkan keperluan sistem yang dikehendaki dan gambaran isu teknikal yang dihadapi setelah menggunakan ICMAS Versi 4 yang terdahulu.

Antara yang dinaik taraf dan diperkemaskan adalah melibatkan perubahan *interface* yang lebih responsif kerana ia lebih mesra pengguna peranti mudah alih seperti telefon pintar. Selain itu, perubahan fungsi-fungsi sedia ada yang lain adalah penetapan penceramah, penilaian kursus dan janaan laporan serta melibatkan beberapa penambahan modul-modul baru. Dengan penambahbaikan ini, fungsi-fungsi tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih pantas dan sekaligus dapat membantu melicinkan aktiviti-aktiviti dalam pelaksanaan kursus dan penyediaan laporan.

Contoh *interface* ICMAS Versi 5 yang baharu adalah seperti di bawah:



The image shows a detailed view of the ICMAS Version 5 dashboard. The top navigation bar includes links for 'Sistem', 'Aktiviti Tahunan', 'Sebelum Kursus', 'Semasa Kursus', 'Selepas Kursus', 'Maklumat Lepas', and 'Bantuan Pengguna'. The sidebar on the left is titled '2. Short' and contains a menu with categories: PENCERAMAH, PESERTA, PENILAIAN, HONORARIUM, and UMUM. The main dashboard area displays three cards: 'Kursus Yang Sedang Berjalan' (98 courses), 'Kursus Akan Datang' (42 courses), and 'Kursus Yang Telah Selesai' (56 courses). A yellow callout box labeled '1. Dashboard' points to the first card. At the bottom of the sidebar, there is a legend for status colors: yellow for 'Status Maklumat Kursus Lengkap', green for 'Status Pengesahan Maklumat Kursus', blue for 'Status Penilaian Kursus', red for 'Bit Peserta Telah Buka/Tutup', purple for 'Bit Peserta Bayar Yuran/Jumlah Peserta', light green for 'Status Jemputan Surat', and cyan for 'Status Mohon'.

Seksyen Teknologi Maklumat juga telah melaksanakan projek menaik taraf *switch* rangkaian di Bangunan Pusat Latihan dan Teknologi Maklumat (ITITC). Aduan telah banyak diterima daripada Bahagian Pengurusan terutama Seksyen Kewangan, Pentadbiran dan Perkhidmatan mengenai sambungan internet yang perlahan dan terputus-putus. Oleh itu, Projek ini telah diluluskan pada tahun 2018 dan dibiayai menggunakan peruntukan daripada Akaun Amanah ILKAP. Projek ini melibatkan pertukaran tujuh (7) unit *switch* rangkaian sedia ada yang telah diperoleh pada tahun 2009. Setelah Projek ini dilaksanakan, gangguan teknikal berkaitan rangkaian dapat dikurangkan dan kualiti kerja di Bahagian

Pengurusan dapat ditingkatkan.

Selain itu, Seksyen Teknologi Maklumat juga telah berjaya melaksanakan sebut harga sewaan LCD Projektor di ILKAP. LCD Projektor yang berspesifikasi lebih tinggi ini adalah bagi kegunaan bilik-bilik kuliah, Auditorium dan Theattrette di seluruh ILKAP. Keperluan terhadap LCD Projektor juga telah bertambah daripada sepuluh (10) unit dalam tahun sebelumnya kepada dua puluh tiga (23) unit pada tahun 2018. Ini kerana, penyewaan LCD Projektor pada kali ini adalah lebih menyeluruh dan melibatkan semua bilik-bilik kuliah. Pertambahan ini diharap dapat meningkatkan kualiti pembelajaran di bilik-bilik kuliah di seluruh ILKAP.





BAHAGIAN MAKLUMAT

BAHAGIAN MAKLUMAT

PENGENALAN

Bahagian Maklumat ILKAP berperanan dalam menyediakan bahan perundangan termasuk bahan elektronik untuk memenuhi keperluan maklumat di ILKAP dalam bidang undang-undang, pengurusan, latihan, grafik dan komputer, selain berkongsi dan bertukar maklumat antara Perpustakaan dan institusi lain dalam dan luar negara. Selain itu, objektif Bahagian Maklumat ILKAP juga adalah menggalakkan pembacaan dan penyelidikan dalam bidang Kehakiman dan Perundangan.

PERKHIDMATAN

Bagi tahun 2018, seramai 8,015 pengunjung secara fizikal dan maya telah menggunakan perkhidmatan perpustakaan. Manakala seramai 1,010 jumlah bahan bacaan telah dipinjam dan dirujuk oleh pelanggan. Pelbagai jenis sumber perpustakaan yang disediakan termasuk langganan pangkalan data iaitu Lexis Nexis, Lawnet dan CLJ Law.

Sebanyak 2,400 naskah koleksi buku bacaan umum kategori novel, agama, motivasi dan sebagainya telah diperolehi daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di bawah pinjaman berkelompok sebagai bacaan santai untuk warga ILKAP. Selain itu, perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan melalui Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) juga disediakan.

Di samping itu, pelbagai kerja rakaman foto, rekaan grafik dan cetakan juga telah dapat dilaksanakan dengan sejumlah 56 rakaman foto dan 132 kerja grafik seperti buku, risalah, poster, webposter, banner, bunting dan sebagainya.

PEMBANGUNAN KOLEKSI

Pusat Sumber juga bertanggungjawab untuk memproses bahan-bahan perpustakaan yang diterima melalui pembelian, hadiah dan

pinjaman berkelompok sebagai usaha memperkuatkan koleksi untuk pinjaman dan rujukan. Semua bahan perpustakaan ini dikatalog mengikut standard pengelasan *MOYS Classification & Thesaurus for Legal Materials*.

Sehingga Disember 2018, jumlah kumulatif koleksi di Pusat Sumber adalah sebanyak 80,435 judul. Bahan bercetak merangkumi buku, terbitan bersiri, laporan tahunan dan lain-lain adalah sebanyak 24,483 judul. Manakala koleksi foto pula berjumlah 21,670 unit, keratan akhbar berjumlah 11,107 naskah, bahan digital (cakera padat audio dan video, CD ROM) sebanyak 455 naskah dan nota kursus adalah sebanyak 22,720 naskah yang disimpan dalam AVserver dan boleh juga diakses melalui *Electronic Document Management System (EDMS)* yang merupakan koleksi repositori ILKAP.

PROGRAM

Antara Program yang dianjurkan oleh Bahagian Maklumat ILKAP pada tahun 2018 adalah seperti yang berikut:

i. Program Galakan Membaca

Seiring dengan misi pusat sumber sebagai penggerak utama dalam memupuk dan membina pegawai-pegawai ILKAP yang berilmu dan berpengetahuan bagi membolehkan mereka membuat keputusan terbaik serta menjalankan tugas pada taraf profesional, Pusat Sumber telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti galakan membaca sepanjang tahun 2018. Sebanyak 11 aktiviti telah dijalankan, antaranya adalah Program Jom Baca Bersama 10 Minit, TrolleyBooks2U@Perdana, kuiz, pameran bertema dan lawatan ke Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

ii. Program Jom Baca 10 Minit

Program ini merupakan simbolik kepada pembacaan serentak di seluruh negara yang telah dianjurkan oleh PNM dan Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM). Pusat Sumber ILKAP sebagai sebuah perpustakaan khusus yang di letakkan di bawah PNM sentiasa menyokong program peringkat kebangsaan sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang berbudaya membaca. Kajian *The World's Most Literate Nation* (Negara Paling Celik Huruf Sejagat) pada 2016 meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-53, jauh di belakang negara jiran Singapura yang berada di kedudukan ke-36.

Program "Jom Baca Bersama 10 Minit" ini diadakan serentak di seluruh Negara

pada 24 April 2018 iaitu jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi. Bersempena Program ini, turut diadakan Hari Terbuka Pusat Sumber bagi menggalakkan semua kakitangan menjadikan tumpuan membaca untuk pengetahuan dan pembudayaan amalan membaca sebagai satu kepentingan dalam hidup kita.

Peminjam dan Pengunjung Aktif

Pada tahun 2018, dua (2) orang kakitangan telah dianugerahkan sebagai peminjam aktif, iaitu Tuan Ahmad Sanusi Yahaya, Ketua Penolong Pengarah, Program Perundangan dan Tuan Haji Hanif Jamaluddin, Timbalan Pendaftar, Seksyen Domestik, Penyelenggaraan dan Pengurusan. Manakala pengunjung aktif pula adalah Cik Esah Mohd. Said, Penolong Pegawai Undang-undang, Program Perundangan.



**Program Jom Baca 10 Minit pada 24 April 2018
semepena Hari Buku dan Hakcipta Sedunia**



TROLLEY BOOKS 2U | PUSAT SUMBER ILKAP 2018

PERTAMA KALI
SEMPENA
HARI TERBUKA PUSAT SUMBER 2018
MEMBAWA BUKU
UNTUK ANDA PINJAM

24 APRIL 2018
9:30 PAGI
BERMULA DI ARAS 4 HINGGA ARAS
2 BANGUNAN PERDANA

TUNGGU KETIBAAN KAMI DI TEMPAT ANDA



Program TrolleyBooks2U



Lawatan anak-anak kakitangan ILKAP ke
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) pada 19 Disember 2018

The background features a complex, abstract network graph composed of numerous small, semi-transparent white and light blue dots connected by thin white lines, creating a sense of interconnectedness and data flow.

UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

PENGENALAN

Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP berperanan sebagai pihak yang membantu dalam meningkatkan program latihan ILKAP dari segi keperluan, kesesuaian dan keberkesanannya. Penyelarasaran dilaksanakan oleh Unit ini dengan Bahagian Latihan dari semasa ke semasa bagi memastikan setiap kursus / bengkel / seminar dijalankan secara efisien dan teratur.

Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP juga bertanggungjawab dalam membuat kaji selidik mengenai keperluan latihan dan pembangunan kurikulum sesuatu kursus bengkel / seminar yang dijalankan di ILKAP ini bagi mengenal pasti pakej latihan yang lebih menepati kehendak dan hasrat sesuatu kumpulan sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kepakaran sesuatu kumpulan sasaran dalam sesuatu bidang. Seterusnya, kajian keberkesanannya program latihan di ILKAP melalui penilaian impak juga dilaksanakan oleh Unit ini bagi memastikan ILKAP mengetengahkan program latihan yang bermanfaat dan bersifat terkini kepada para peserta program latihan.

Selain itu, Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP merupakan Unit yang menerbitkan bahan rujukan undang-undang dan bahan mengenai

ILKAP serta bertanggungjawab untuk menerbitkan Buku Laporan Tahunan ILKAP dan Buku Program Latihan Tahunan ILKAP.

PEMANTAPAN KURIKULUM KURSUS

ILKAP telah menjalankan kajian keperluan latihan terhadap sektor awam terutamanya Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan serta pegawai dan anggota daripada Kementerian / Jabatan / Agensi penguat kuasa di Malaysia.

Bagi memastikan kursus yang dikendalikan oleh ILKAP selari dengan keperluan dan kehendak pelanggan serta perkembangan perundangan semasa, Unit ini telah mengadakan sebanyak **sepuluh (10) Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Kurikulum Kursus (JKKK)** dan **enam belas (16) Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Kurikulum Kursus (JKKSK)** bagi merangka kurikulum kursus baharu dan mengkaji serta memperbaiki kurikulum kursus sedia ada bagi Program Latihan ILKAP 2018.

Mesyuarat JKKK dan JKKS SK telah dihadiri oleh pemegang taruh (*stakeholders*) dan juga pelanggan ILKAP seperti wakil daripada Mahkamah, Jabatan Peguam Negara, Majlis Peguam Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan ahli akademik daripada universiti tempatan.



Senarai dan butiran bagi Mesyuarat JKKK yang telah diadakan pada tahun 2018 adalah seperti di bawah:

SENARAI MESYUARAT JKKK TAHUN 2018

Bil	Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat	JKKK / JKKSJ / JPPSI	Program / Pihak yang Terlibat
1	Bengkel Pengurusan dan Pengendalian Tata tertib Badan Berkanun*	8 November 2018	JKKK	Penasihat
2	Seminar Pelupusan Barang Kes (Eksibit)*	12 November 2018	JKKK	Kehakiman
3	<i>Course on Administrative Law: Supervisory Role of the Judiciary*</i>	22 November 2018	JKKK	Kehakiman
4	Kursus Perlindungan Data Peribadi – Bahaya Scam*	27 November 2018	JKKK	Perundangan
5	<i>Workshop On Legal Opinion Writing and Judgement Writing*</i>	29 November 2018	JKKK	Kehakiman
6	Kursus Salah Tahan Dan Salah Tangkap*	30 November 2018	JKKK	Litigasi
7	Kursus Penterjemahan dan Penyuntingan Teks Perundangan*	4 Disember 2018	JKKK	Perundangan
8	<i>UN in a Nutshell – Introduction to the Structure and Functions of the United Nations System*</i>	6 Disember 2018	JKKK	Penasihat
9	Seminar Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan*	6 Disember 2018	JKKK	Penasihat
10	Strategi Pelaksanaan Penghakiman Yang Efektif di Bawah Undang-Undang*	7 Disember 2018	JKKK	Perundangan

Senarai dan butiran bagi Mesyuarat JKKSJ yang telah diadakan pada tahun 2018 adalah seperti di bawah:

SENARAI MESYUARAT JKKSJ TAHUN 2018

Bil	Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat	JKKK / JKKSJ / JPPSI	Program / Pihak yang Terlibat
1	Kursus Kes-Kes Jenayah Di Bawah Bidang Kuasa Majistret**	7 November 2018	JKKSJ	Kehakiman
2	Kursus Permohonan Reman dan Permohonan Pelbagai Kes Jenayah**	7 November 2018	JKKSJ	Kehakiman
3	<i>Workshop on Competition Law**</i>	9 November 2018	JKKSJ	Penasihat
4	<i>Course On Effective Legal Research**</i>	9 November 2018	JKKSJ	Penasihat
5	<i>Course On Crime Sentencing Process**</i>	12 November 2018	JKKSJ	Kehakiman
6	Seminar Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736) – Isu dan Cabaran**	13 November 2018	JKKSJ	Perundangan
7	Kursus Komprehensif Undang-Undang berkaitan Kanak-Kanak di Malaysia**	13 November 2018	JKKK	Perundangan
8	Kursus Penggubalan, Kemungkiran Dan Penamatan Kontrak Kerajaan**	21 November 2018	JKKK	Penasihat
9	<i>Workshop On Arbitration, Construction Law and Adjudication**</i>	22 November 2018	JKKK	Kehakiman
10	Kursus Pentadbiran Harta Pusaka Mengikut Perspektif Sivil Di Malaysia**	26 November 2018	JKKK	Penasihat
11	Seminar Akta Syarikat 2016 [Akta 777]**	27 November 2018	JKKK	Perundangan
12	Kursus Orang Asli : Hak dan Isu Undang-Undang**	28 November 2018	JKKK	Penasihat
13	Kursus Undang-Undang Tanah – Isu & Cabaran Masa Kini **	28 November 2018	JKKK	Penasihat
14	<i>Course On Intellectual Property Law – Rights And Issues**</i>	3 Disember 2018	JKKK	Penasihat
15	Bengkel Asas Faraid Dan Pentadbiran Harta Pusaka Mengikut Perspektif Syariah Di Malaysia**	3 Disember 2018	JKKK	Penasihat
16	Kursus Berkaitan Perundangan Halal di Malaysia**	4 Disember 2018	JKKK	Perundangan

PELAN STRATEGIK ILKAP 2015-2020

Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP juga turut bertindak sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik ILKAP (JPPSI) bagi Pelan Strategik 2015-2020. JPPSI ini adalah di bawah penyeliaan Ketua Pengarah ILKAP dan Mesyuarat JPPSI diadakan sebanyak dua (2) kali setahun. JPPSI berperanan sebagai penyelaras dalam menilai dan mengkaji semula Pelan Strategik

ILKAP berdasarkan pengukuran dan pelan tindakan yang ditetapkan.

Mesyuarat JPPSI Bil. 1/2018 telah diadakan pada 29 Jun 2018 bagi tempoh pelaksanaan strategik dari Januari hingga Jun 2018. Manakala Mesyuarat JPPSI Bil. 2/2018 telah diadakan pada 23 November 2018 untuk tempoh pelaksanaan strategik dari Julai hingga Disember 2018.

LAWATAN PIHAK LUAR

Selain itu, ILKAP sentiasa bersedia menerima kunjungan / lawatan daripada pihak luar yang ingin mengetahui dengan lebih mendalam mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh ILKAP. Oleh itu, bagi memastikan maklumat mengenai ILKAP disampaikan dengan tepat dan efisien kepada pihak luar yang berminat untuk mengetahui mengenai ILKAP, Unit ini memainkan peranan sebagai peneraju utama dalam penerimaan lawatan daripada mana-mana pihak luar yang berhasrat untuk melawat dan mengetahui tentang perkhidmatan, bidang tugas, kaedah serta budaya kerja di ILKAP.

Antara lawatan daripada pihak luar yang telah diterima oleh ILKAP pada tahun 2018 adalah Kunjungan Hormat dan Perbincangan *Training Need Analysis* (TNA) Bersama Akademi Percukaian Malaysia yang diadakan pada 21 Februari 2018 dan lawatan oleh *British High Commission* serta *Interview Malaysia Progress* yang diadakan pada 19 Julai 2018.



Kunjungan Hormat dan Perbincangan *Training Need Analysis* (TNA)



Lawatan oleh British High Commission



Interview Malaysia Progress

PENERBITAN

ILKAP juga menerbitkan pelbagai penerbitan berkaitan ILKAP dan isu-isu perundangan dan semasa yang relevan. Peranan Unit Penyelidikan dan Inovasi adalah dalam penyelarasan penerbitan bahan rujukan berkaitan ILKAP dan bahan rujukan undang-undang yang berkaitan dengan latihan yang dijalankan.

Aktiviti penerbitan dalam tahun 2018 termasuklah penerbitan Buku Laporan Tahunan ILKAP 2017, ILKAP E-News Letter (INSIGHT) Bil. 1/2018 dan Bil. 2/2018 serta E-Book Program Latihan ILKAP 2019.

Selain itu, ILKAP juga telah menghasilkan tujuh (7) Kertas Penyelidikan yang merangkumi pelbagai topik yang melibatkan isu dan perundangan semasa di Negara ini, iaitu:

- i. *“A legal analysis of travelling with in-cabin pets: A comparative study between Malaysia, United States of America and Saudi Arabia”* – disediakan oleh Puan Nazuha Mohd Jai, Ketua Penolong Pengarah (KPP) Program Kehakiman ILKAP;
- ii. “Wanita Bekerjaya Sihat, Cantik Dan Ceria Secara Alami” – disediakan oleh Puan Rafiqha Hanim Mohd Rosli, KPP Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP;
- iii. “*Cybercrimes: The Application Of Section 114A Of The Evidence Act 1950*” – disediakan oleh YBhg. Datin Nurshuhaida Zainal Azahar, KPP Program Perundangan ILKAP;
- iv. “*Syariah Diperkasa Rakyat Sejahtera*” – disediakan oleh Puan Erwani Binti Ismail, KPP Program Kehakiman ILKAP;
- v. “*Hibah Dan Wasiat Sebagai Instrumen Perancangan Harta Islam*” – disediakan oleh Puan Rohaiza Hamzah, KPP Program Penasihat ILKAP;
- vi. “*Dakwah Alam Siber Rentas Sempadan*” – disediakan oleh Puan Sharifah Nora Othman, KPP Program Pembangunan Kerjaya Dan Pentadbiran ILKAP; dan
- vii. “*Mayat Tidak Dijumpai: Sejauh Mana Mahkamah Boleh Mensabitkan Tertuduh*” – disediakan oleh Puan Nazuha Mohd Jai, Ketua Penolong Pengarah Program Kehakiman ILKAP.

PELAKSANAAN PROGRAM INOVASI

Bagi menyemai dan meningkatkan semangat inovasi dalam warga ILKAP, Unit Penyelidikan dan Inovasi juga bertindak sebagai penyelaras aktiviti inovasi dalam menjadi egen pemangkin dalam menyemarakkan budaya inovasi di kalangan pegawai dan kakitangan ILKAP. Pelbagai aktiviti telah dirancang dan dijalankan sepanjang tahun 2018, iaitu:

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI INOVASI	TARIKH
1	Lawatan kerja ke MOSTI dan Bicara Inovasi Bil.1/2018	9 Februari 2018
2	Jemputan : Tn. Muhammad Zaki Abdul Kudus, Bahagian Strategik Inovasi Nazira dan Korporat, Mahkamah Persekutuan	13 Julai 2018
3	Pertandingan Inovasi JPM 2018 Produk daripada ILKAP, kategori ICT Nama Produk : Fast 8 Two	1 Oktober 2018
4	Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri	8 November 2018
5	Pertandingan Inovasi ILKAP 2018	20 Disember 2018



Program Bicara Inovasi Bil. 1/2018 dan Bil. 2/2018



Pertandingan Inovasi ILKAP 2018

The background features a complex network graph composed of numerous small, semi-transparent white and light pink dots connected by thin white lines. This graph is set against a large, sweeping brushstroke that transitions from a bright red at the top left to a deep purple at the bottom right.

UNIT INTEGRITI

UNIT INTEGRITI

Unit Integriti bertanggungjawab memastikan warga ILKAP mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan warga ILKAP.

Antara senarai aktiviti dan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU) 2018:

Bil	Mesyuarat	Tarikh
1	Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU) ILKAP Bil.1/2018	10 Januari 2018
2	Laporan Pengisytiharan Harta Pegawai dan Kakitangan ILKAP	16 Oktober 2018 2 November 2018
3	Laporan Pemantauan ke atas Pegawai yang menjalankan Perniagaan dalam talian dan pekerjaan sambilan	24 April 2018 (Suku tahun Pertama) 9 Julai 2018 (Suku Tahun Kedua)
4	Taklimat Integriti Siri 1: “ Pembinaan Sikap Positif dan Personaliti Pekerja Cemerlang ”	8 Mac 2018
5	Taklimat Integriti Siri 2: “ Mengukuhkan Budaya Integriti dan Menangani Gejala Rasuah ”	31 Oktober 2018
6	Kata-Kata Motivasi Setiap Bulan	Jan – Dis 2018
7	Info Integriti Bulanan	Jan – Dis 2018
8	Laporan Kedatangan Bulanan	Jan – Dis 2018
9	Mesyuarat Penyelarasan Unit Integriti dan Agensi Bil. 1/2018	10 Disember 2018



LAPORAN PROGRAM ILKAP

PROGRAM ILKAP SPEAKER SERIES 2018

Program ILKAP Speaker Series (ISS) telah diadakan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2018, iaitu pada 5 April 2018 dan 11 Oktober 2018 bertempat di Auditorium ILKAP. Program ISS ini merupakan satu platform perkongsian pengetahuan dan pengalaman daripada penceramah terkenal dan terkemuka di kalangan pengamal undang-undang mengenai isu-isu perundangan terkini di Malaysia.

Program ISS Bil. 1/2018 yang diadakan pada 5 April 2018 telah menampilkan YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi Haji Ali, Peguam Negara sebagai penceramah jemputan dengan syarahan yang bertajuk "*The Guardian Of Public Interest: The Modern*

Approach And Its Challenges" dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan serta mendapat respons yang positif daripada seramai 255 orang peserta yang hadir.

Antara inti pati syarahan yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi Haji Ali adalah mengenai peranan Peguam Negara iaitu selain memainkan peranan unik yang tertakluk kepada Perlembagaan, Peguam Negara juga memainkan peranan penting sebagai Penjaga Kepada Kepentingan Awam. Beliau juga menekankan fungsi Peguam Negara yang perlu bertindak adil dan berintegriti dalam menjalankan tugas.



Peserta bersama YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi Haji Ali selepas Program ISS Bil. 1/2018 yang diadakan pada 5 April 2018

Bagi Program ISS Bil. 2/2018 pula, ia telah diadakan pada 11 Oktober 2018 dan telah menampilkan YBhg. Emeritus Prof. Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi, Tunku Abdul Rahman Chair, *Faculty Of Law, University Of Malaya* sebagai penceramah jemputan dengan syarahan yang bertajuk “*The Constitution At The Crossroads*” yang telah mendapat sambutan menggalakkan serta respons yang positif daripada seramai 217 orang peserta yang hadir.

Antara inti pati syarahan yang disampaikan oleh YBhg. Emeritus Prof. Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi adalah mengenai kuasa dan peranan Perlembagaan serta hak-hak yang diberikan Perlembagaan. Beliau juga turut mengupas isu berkaitan sejauh mana kuasa Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi Persekutuan, kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan kuasa Mahkamah melalui *Judicial Review* bagi menentusahkan undang-undang sekiranya bertentangan dengan Perlembagaan dan isu-isu lain.



Peserta bersama YBhg. Emeritus Prof. Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi selepas Program ISS Bil. 2/2018 yang diadakan pada 11 Oktober 2018

The background features a complex, abstract network graph composed of numerous small, semi-transparent nodes (dots) in shades of white, light blue, and teal, connected by thin white lines forming a web-like structure.

LAPORAN PENCAPAIAN

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2017
PENERIMA APC TAHUN 2017
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)
JABATAN PERDANA MENTERI



KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

- Pn. Erwani Binti Ismail – Pegawai Undang-Undang (Gred L48)
- En. Fariz Rizal Bin Rasdi – Pegawai Teknologi Maklumat (Gred F44)

KUMPULAN SOKONGAN

- Pn. Faridah Binti Daud – Penolong Pegawai Undang-Undang (P/O) (Gred L29)
- Pn. Nur Hamizah Binti Mat - Pembantu Tadbir (P/O) (Gred N19)
- Pn. Nolisa Binti Mustafa – Pembantu Tadbir (P/O) (Gred N22)
- En. Hairul Helmi Bin Abdul Khalid – Pembantu Kemahiran (Gred H19)
- En. Mohd Ismail Bin Abu Amin – Pemandu Kenderaan (Gred H11)

ANUGERAH PENJAWAT CONTOH DWI-TAHUNAN (APCD) (JANUARI-JUN) 2018

**KUMPULAN PENGURUSAN DAN
PROFESIONAL**



EN. MAZLAN BIN YAHYA

PEGAWAI
UNDANG-UNDANG
(GRED L52)

**KUMPULAN
SOKONGAN**




EN. ROSLI BIN JEBOL

PEMBANTU OPERASI
(GRED N11)

ANUGERAH PENJAWAT CONTOH DWI-TAHUNAN (APCD) (JULAI-DISEMBER) 2018

**KUMPULAN PENGURUSAN DAN
PROFESIONAL**



**PN. SHARIFAH NORA BINTI
OTHMAN**

PEGAWAI
UNDANG-UNDANG
(GRED L48)

**KUMPULAN
SOKONGAN**



**EN. KHAIRUDDIN BIN
MOHD RAZALI**

PEMBANTU OPERASI
(GRED N11)

LAPORAN KHAS

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN ILKAP

JAWATANKUASA KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN ILKAP SESI 2017/2019

PENAUNG	:	YBHG. DATO' ANITA BINTI HJ. HARUN
PENGERUSI	:	EN. HANIF BIN JAMALUDIN
NAIB PENGERUSI	:	PUAN HASLINA BINTI ALI
SETIAUSAHA	:	PUAN NORHAFIDA BINTI DARUS
BENDAHARI	:	PUAN RUSMAWATY BINTI MOHD. YUSOFF
NAIB BENDAHARI	:	PUAN EZARINA BINTI MOHD. KHAMILI
AHLI JAWATANKUASA		
• BIRO SUKAN I	:	EN. NOR AZNI BIN SHAMSUDIN
•		
• BIRO SUKAN II	:	PUAN NUR SYAHIRA BINTI ABDULLAH
•		
• BIRO SOSIAL	:	ENCIK FARIZ RIZAL BIN RASDI
•		
• BIRO KEBAJIKAN	:	-
•		
• BIRO MEDIA	:	ENCIK AZRIN BIN DAUD
JAWATANKUASA BEBAS		
• JURU AUDIT	:	CIK ANIS SYAIRAH BINTI SUBKI
•		
• PEN. JURU AUDIT	:	PN. HANIM BINTI MOHD HUSSIN

LAPORAN PROGRAM / AKTIVITI KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN ILKAP
BAGI TAHUN 2018

BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	JAWATANKUASA
1	6 April 2018	<p>Mesyuarat Agung Kelab Sukan Dan Kebajikan Bil. 12 Tahun 2018</p> <p>Mesyuarat Agung Kelab Sukan Dan Kebajikan ILKAP ini diadakan bertujuan membentangkan Laporan Program Kelab ILKAP bagi Tahun 2017 dan Laporan Kewangan Semasa Berakhir Tahun 2017. Kelab ILKAP juga telah menyerahkan Baju Korporat ILKAP kepada semua ahli Kelab ILKAP yang akan dipakai pada setiap Majlis Rasmi ILKAP.</p>	Dewan Kuliah, Tingkat 4, ITITC, ILKAP	JK Induk
2	7 April 2018	<p>Hari Keluarga ILKAP 2018</p> <p>Program yang disertai oleh ahli Kelab ILKAP bersama keluarga telah diadakan di Taman Tema I-City Shah Alam. Ia turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah ILKAP dan keluarga serta YBrs. Puan Timbalan Ketua Pengarah ILKAP. Aktiviti sukaneka diadakan untuk mengeratkan silaturrahim antara semua yang hadir dan disusuli dengan aktiviti bebas bersama keluarga masing-masing.</p>	I-City Shah Alam	JK Sosial
3	27 April 2018	<p>Majlis Jasamu Dikenang Dan Majlis Makan Malam ILKAP</p> <p>Majlis Jasamu Dikenang ini adalah untuk meraikan Pn. Rosnah binti Khalid yang telah bersara dan merupakan antara kakitangan yang paling lama berkhidmat di ILKAP. Sementara itu, Majlis Makan Malam yang bertemakan "Hitam Putih Kehidupan" adalah untuk meraikan semua ahli Kelab ILKAP yang sentiasa menyokong aktiviti dan program Kelab ILKAP. Majlis Makan Malam dimeriahkan dengan persembahan karaoke dan acara cabutan bertuah yang menawarkan hadiah-hadiah menarik.</p>	Hotel Tenera, Bangi	JK Sosial
4	15 Mei 2018	<p>Mantai ILKAP Sempena Menyambut Bulan Ramadan</p> <p>Mantai ILKAP merupakan kerjasama antara Kelab ILKAP dan Puspanita ILKAP yang diadakan bagi menyambut bulan Ramadan dengan memasak bihun sup untuk diagihkan kepada semua warga ILKAP serta jamuan makan tengah hari pada hari Program tersebut berlangsung. Ia mewujudkan semangat kerjasama di kalangan ahli dan mengeratkan silaturrahim warga ILKAP.</p>	Parkiran Bas, ILKAP	JK Kebajikan
5	21 Mei 2018	<p>Iftar Perdana ILKAP</p> <p>Program saban tahun ILKAP ini telah diadakan di Surau ILKAP. Majlis diserikan dengan kehadiran tetamu jemputan Ketua-ketua Pengarah Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri. Majlis juga diimarahkan dengan solat Maghrib dan solat tarawih berjemaah serta penyampaian duit raya kepada anak kakitangan ILKAP serta pemberian door gift daripada Kelab ILKAP kepada ahli.</p>	Surau ILKAP	JK Kebajikan
6	7 Jun 2018	<p>Program Quran Hour, Khatam Al-Quran dan Ceramah Agama Sempena Ramadan</p> <p>Majlis yang diadakan ini adalah kerjasama dengan Puspanita ILKAP. Quran Hour merupakan program yang dijalankan serentak seluruh negara. Manakala Majlis Khatam Al-Quran pula merupakan acara tahunan ILKAP pada setiap bulan Ramadan.</p>	Surau ILKAP	JK Kebajikan

BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	JAWATANKUASA
7	8 Jun 2018	<p>Program Penyampaian Sumbangan Bersempena Bulan Ramadan kepada Pondok Tahfiz Hj. Nordin</p> <p>Program ini merupakan sumbangan kepada masyarakat setempat daripada Kelab ILKAP. Kelab ILKAP yang diwakili oleh sebahagian daripada AJK telah pergi ke Pondok Tahfiz tersebut untuk menyampaikan sumbangan yang berupa keperluan makanan serta sumbangan wang tunai.</p>	Pondok Tahfiz Hj. Nordin	JK Kebajikan
8	6 Julai 2018	<p>Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri ILKAP</p> <p>Majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna ILKAP ini telah disediakan oleh warga ILKAP dengan pembahagian menu mengikut kumpulan yang telah ditetapkan. Majlis dimeriahkan lagi dengan jemputan daripada agensi yang berkaitan dengan ILKAP. Di samping itu, telah diadakan juga majlis meraikan pertukaran Tn. Isa bin Hj. Hassim.</p>	Dewan Serbaguna ILKAP	JK Sosial
9	10 Ogos 2018	<p>Program Ambang Merdeka Dan Kursus Sembelihan ILKAP</p> <p>Program Ambang Merdeka merupakan acara sambutan Bulan Kemerdekaan di peringkat ILKAP. Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah ILKAP. Kemudian, diadakan Kursus Sembelihan yang dikongsi bersama Pejabat Agama Islam Ulu Langat (PAID) dan dijalankan secara praktikal. Sembelihan ayam dibahagikan kepada kumpulan kecil untuk dimasak dan diadakan pertandingan memasak antara kumpulan yang berdasarkan ayam yang telah disembelih dengan sempurna. Kumpulan tersebut perlu menyediakan masakan ayam masak merah, kari ayam dan ayam masak lemak cili api. Manakala kumpulan JK Induk Kelab ILKAP pula telah menyediakan rendang ayam.</p>	Lobi ITITC, Pakiran Bas, ILKAP	JK Kebajikan
10	7 September 2018	<p>Ceramah Awal Muharram “Mati Itu Pasti” dan Kursus Pengurusan Jenazah</p> <p>Program ceramah agama bersempena sambutan Awal Muharram bertajuk “Mati Itu Pasti” telah disampaikan oleh Tn. Imam I Masjid Teras Jenang, Bandar Baru Bangi. Selepas Program ceramah selesai, telah diadakan Kursus Pengurusan Jenazah untuk memberikan tunjuk ajar secara praktikal kepada ahli Kelab ILKAP.</p>	Bilik Kuliah, Tingkat 4, ITITC Surau ITITC	JK Kebajikan
11	4 Oktober 2018	<p>Farewell YBrs. Pn. Rozielawaty Ab Ghani</p> <p>Majlis meraikan pertukaran keluar YBrs. Timbalan Ketua Pengarah ILKAP turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah ILKAP dan semua warga ILKAP.</p>	ITITC	JK Sosial
12	26 November 2018	<p>Jemputan Sebagai Penonton Siaran Langsung Program Bual Bicara Pink Point Terbitan TV Al-Hijrah</p> <p>ILKAP telah menyertai program bual bicara baharu terbitan TV AlHijrah iaitu Pink Point. Seramai 40 orang ahli Kelab ILKAP telah menghadiri program tersebut Bersama YBhg. Dato Ketua Pengarah ILKAP.</p>	Pusat Penyiaran Digital TV AlHijrah, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur	JK Sosial
13	30 November 2018	<p>Karnival Boling ILKAP</p> <p>Pertandingan boling ini diadakan bagi memupuk semangat kesukanan dan kemesraan di kalangan ahli Kelab ILKAP apabila semua lapisan jawatan berkerjasama dalam satu kumpulan. Kelab ILKAP menyediakan hadiah untuk pemenang kumpulan dan individu.</p>	Ampang SuperBowl, Bangi Gateway	JK Sukan

BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	JAWATANKUASA
14	14 Disember 2018	<p>Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 4/2018 dan Penyampaian Bantuan Persekolah</p> <p>Majlis Perhimpunan Bulanan telah dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan dan pemberian bantuan persekolahan berupa beg sekolah dan bantuan kewangan sebanyak RM100 untuk kakitangan pelaksana telah disumbangkan oleh Kelab ILKAP.</p>	Bilik Kuliah, Tingkat 4, ITITC	JK Kebajikan
15	19 Disember 2018	<p>Lawatan School Break: Let's Read ke Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor dengan kerjasama Pusat Sumber ILKAP</p> <p>Program kerjasama ini adalah bersempena musim cuti sekolah dan peserta terdiri daripada anak-anak ahli Kelab ILKAP. Objektif program adalah untuk memupuk budaya membaca di kalangan kanak-kanak dan PPAS merupakan sebuah Perpustakaan yang cantik serta memiliki kemudahan terkini yang bersesuaian dengan teknologi semasa.</p>	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	JK Sosial





TERIMA KASIH





TEMAN PEMBELAJARAN ANDA

Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP),
Lot 5, Persiaran Universiti, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +603 8924 3400 | Faks: +603 8926 1231

<http://www.ilkap.gov.my>

Emel: ilkap@ilkap.gov.my